

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

'Jaga kebajikan doktor, petugas kesihatan'

Serdang: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, menitahkan kerajaan agar menjaga hal kebajikan doktor dan petugas kesihatan di negara ini dengan tidak menjadikannya sebagai isu politik.

Baginda bertitah, tindakan mempolitikkan isu kesihatan itu akan merugikan semua pihak.

Titah baginda, petugas kesihatan seharusnya diberikan pengiktirafan yang sewajarnya kerana ia adalah kerjaya yang mulia.

"Beta juga berkenan supaya doktor dan pakar perubatan serta petugas kesihatan lain supaya terus mencurahkan bakti dan terus berkhidmat di hospital kerajaan demi menabur jasa kepada rakyat jelata.

"Hanya di hospital kerajaan sahajalah rakyat boleh menerima rawatan dan kepakaran yang berkesan dan lebih murah. Kepakaran doktor amatlah perlu di hospital awam bagi meningkatkan kualiti kesihatan rakyat secara menyeluruh.

"Justeru, beta menasihatkan doktor dan petugas kesihatan yang lain supaya mengutamakan perkhidmatan kepada rakyat dan bersikap profesional," titahnya pada Majlis Perasmian dan Penjenamaan Semula Hospital Serdang.

Sultan Sharafuddin semalam, berkenan menjenamakan semula Hospital Serdang yang kini dikenali sebagai Hospital Sultan Idris Shah Serdang.

Hadir sama dalam majlis ber-



Sultan Sharafuddin berkenan menyempurnakan Perasmian dan Penjenamaan Semula Hospital Serdang kepada Hospital Sultan Idris Shah Serdang, semalam.

(Foto BERNAMA)

kenaan ialah Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Dalam pada itu, baginda turut mengingatkan supaya projek berkepentingan seperti pembinaan hospital dan klinik baharu, terutamanya di Selangor disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Titah baginda, agensi pelaksana yang dipertanggungjawabkan ke atas projek berkenaan hendaklah memantau dengan teliti pelaksanaan projek, sekali gus dapat menangani sebarang masalah pembinaan dengan pantas dan cekap.

"Dengan terbinanya fasiliti kesihatan baharu di Selangor,

rakyat boleh mendapatkan rawatan terbaik dengan kos yang mampu dan berpatutan.

"Oleh itu, pembinaan hospital dan klinik awam mesti dilaksanakan dengan cekap supaya ia dapat diselesaikan dalam tempoh dirancang dan beroperasi dengan cekap bagi kesejahteraan rakyat jelata," titahnya.

Naik taraf infrastruktur

Sultan Sharafuddin turut menyeru supaya semua fasiliti kesihatan yang uzur dan hospital lama hendaklah diberi perhatian dan penjagaan teliti bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

"Setiap infrastruktur dan peralatan yang rosak perlu dinaik

taraf dan dibaiki untuk kesejahteraan pesakit dan mempermudah akses kesihatan kepada rakyat.

"Beta berkenan supaya pengurusan hospital baharu hendaklah mempunyai sistem pengurusan fasiliti yang cekap dan memastikan penyelenggaraan berjadual dilaksanakan," titahnya.

Mengulas mengenai isu kesihatan di negara ini, baginda menyarankan supaya kerajaan mewujudkan satu skim insurans supaya rakyat mempunyai pilihan untuk mendapatkan rawatan sama ada di fasiliti kerajaan ataupun swasta.

"Ada trend peningkatan penyakit tidak berjangkit secara global dalam kalangan rakyat

Malaysia terutamanya di Selangor.

"Berikutan itu kos perawatan, ubat-ubatan dan penjagaan kesihatan penduduk turut meningkat sehingga membebankan rakyat.

"Justeru, kerajaan haruslah prihatin terhadap mempelbagai sumber pembiayaan untuk penjagaan kesihatan penduduk dengan memberi perhatian kepada agenda membangunkan skim insurans kesihatan kebangsaan.

"Dengan wujudnya skim insurans ini, rakyat mempunyai pilihan untuk mendapatkan rawatan sama ada di fasiliti kerajaan ataupun swasta," titahnya.

Bagaimanapun, baginda menyatakan walaupun kerajaan adalah penyedia perkhidmatan kesihatan utama di negara ini, pembiayaan kesihatan tidak seharusnya dipertanggungjawabkan kepada kerajaan semata-mata.

"Setiap daripada kita juga seharusnya menguruskan pembiayaan kesihatan dirinya dengan mampan supaya dapat mengecapi kesihatan diri yang baik dan terurus. Di samping itu luangkan masa dengan bersukan dan beriadah serta mengamalkan pemakanan sihat.

"Penjagaan kesihatan diri sendiri tidak boleh diambil ringan. Ia adalah tanggungjawab bersama tidak kira kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO), mahupun individu," titahnya.

Penularan COVID-19

KKM semak, kemas kini garis panduan

Langkah selari WHO umum bukan lagi kecemasan kesihatan global

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) melakukan semakan semula dan mengemas kini garis panduan berkaitan transisi pengurusan jangka masa panjang pandemik COVID-19 di negara ini.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa, berkata ia akan dibuat selari kenyataan Pertubuhan Ke-

sihatan Sedunia (WHO) berhubung status terkini pandemik itu.

Berdasarkan penilaian situasi semasa COVID-19 di negara ini, katanya, KKM turut melanjutkan pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun ini.

Tegasnya, pengisytiharan Malaysia sebagai kawasan tempatan jangkitan perlu dilakukan sebagai memenuhi keperluan pengasingan kes COVID-19 di mana-mana tempat selain hospital.

"Ia juga sejajar keperluan majikan menanggung kos rawatan dan pengujian COVID-19 yang diarah oleh pegawai diberi kuasa untuk dijalankan kepada pekerjaanya.

"Penilaian risiko situasi jangkitan COVID-19 di Malaysia di-

jangka dilaksanakan pada pertengahan Jun ini bagi menyemak semula pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan untuk menentukan hala tuju seterusnya.

"Justeru, KKM akan meneruskan langkah kawalan dan pencegahan COVID-19 berdasarkan protokol sedia ada.

"KKM akan terus memantau situasi COVID-19 di dalam dan luar negara, selain memastikan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan berada dalam keadaan yang optimum bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan penduduk," katanya.

Jumaat lalu, Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus, mengumumkan COVID-19 tidak lagi dikategorikan sebagai kecemasan kesihatan global.

'Bertindak seperti virus pastikan pihak atasan dengar rungutan pegawai sains'

Subang Jaya: Lebih 1,900 pegawai sains di Kementerian Kesihatan (KKM) didesak untuk bertindak seperti virus 'omicron' terhadap Kementerian yang dikatakan sukar mendengar keluhan dan permasalahan dihadapi kumpulan kakitangan kerajaan itu.

Langkah tegas itu dicadangkan Presiden Persatuan Pegawai Sains Kementerian Kesihatan Malaysia (ASOMH), Nik Mohamed Hazmi Nik Hussain, yang mendedahkan suara dan rungutan pegawai sains di KKM tidak didengari pihak atasan.

Ketika ini, katanya, ada kumpulan pegawai sains yang 'tersangkut' tanpa sebarang kenaikan pangkat sejak hampir 10 tahun lalu, berbanding perjawatan lain seperti pegawai perubatan, pegawai pergisian dan pegawai farmasi yang mudah menerima

kenaikan gred.

Beliau berkata, selain sukar memperoleh kenaikan pangkat, penjawatan pegawai sains ketika ini juga masih tidak diisi sepenuhnya, walaupun untuk perjawatan kontrak, menyebabkan kebanyakan mereka berkhidmat dalam tekanan.

"Kita sentiasa menerima rungutan mengenai kakitangan lain seperti pegawai perubatan, pegawai pergisian dan pegawai farmasi sudah melangkah menjadi gred 54 tetapi pegawai sains masih ada yang tidak berganjak di Gred 41.

"Seljak lapan ke sembilan tahun yang lalu, ramai pegawai sains masih di Gred 41 dan kami meminta perkara ini disampaikan kepada YB Menteri untuk diberi perhatian," katanya ketika berucap pada Persidangan Sains-tifik ASOMH, di sini semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

PENGURUSAN JANGKA MASA PANJANG COVID-19

Penilaian risiko dibuat pertengahan Jun

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang membuat semakan semula dan mengemaskini garis panduan negara ini berkaitan transisi pengurusan jangka masa panjang pandemik Covid-19.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, semakan berkenaan akan merujuk kepada kenyataan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Menurutnya, berdasarkan penilaian situasi semasa Covid-19 di negara ini, KKM turut melanjutkan pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan bagi tempoh 1 Januari lalu hingga 30 Jun ini.

"Pengisytiharan Malaysia sebagai kawasan tempatan jangkitan adalah perlu bagi memenuhi keperluan isolasi atau pengasingan kes Covid-19 di mana-mana tempat selain hospital dan keperluan majikan menanggung kos rawatan dan pengujian Covid-19 yang diarahkan oleh pegawai diberi kuasa untuk dijalankan kepada pekerjaanya."

"Dijangkakan penilaian ri-

siko situasi jangkitan Covid-19 dalam Malaysia akan dilaksanakan pada pertengahan Jun ini bagi menyemak semula pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan untuk menentukan halatuju seterusnya.

"Justeru, KKM akan meneruskan langkah kawalan dan pencegahan Covid-19 berdasarkan protokol sedia ada," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, KKM sentiasa komited dan terus memantau situasi Covid-19 di dalam dan luar negara selain memastikan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan berada dalam keadaan yang optima bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat.



Dijangkakan penilaian risiko situasi jangkitan Covid-19 dalam Malaysia akan dilaksanakan pada pertengahan Jun ini"

Dr Zaliha

Sabtu lalu, Ketua Pengarah WHO Tedros Adhanom Ghebreyesus mengumumkan Covid-19 kini tidak lagi dikategorikan sebagai kecamasan kesihatan global.

Ia selepas Tedros mendaftar saranan menamatkan status Kecemasan Kesihatan Awam Keprihatinan Antarabangsa (PHEIC) dan bersejua menerima nasihat itu.

Dalam pada itu, mengulas lanjut mengenai penularan Covid-19 di negara ini, Dr Zaliha berkata, sehingga Minggu

Epidemiologi ke-18 (ME 18/2023) iaitu dari 30 April hingga 6 Mei lalu, 7,596 kes Covid-19 dilaporkan.

"Peratusan kes Covid-19 dilaporkan pada ME 18/2023 meningkat 53.1 peratus berbanding 4,963 kes dilaporkan pada minggu sebelumnya."

"Kadar kemasukan pesakit Covid-19 (termasuk pesakit disyaki Covid-19) ke fasiliti kesihatan awam menunjukkan peningkatan dari 5.8 kepada 7.2 bagi setiap 100,000 penduduk pada Minggu Epidemiologi 18/2023 berbanding ME 17/2023."

"Namun keadaan jangkitan Covid-19 di Malaysia terkawal dan perkhidmatan kesihatan di hospital tak terjejas," katanya.



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

KKM teruskan kawalan pencegahan Covid-19

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) mengumumkan Covid-19 tidak lagi menjadi kecamasan kesihatan awam yang menjadi kepentingan antarabangsa.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, ini berikutan hasil mesyuarat Jawatankuasa Darurat Peraturan-peraturan Kesihatan Antarabangsa(IHR) yang berlangsung di Geneva, Switzerland

pada 4 Mei lalu.

"Ia mengambil kira trend global yang menunjukkan penurunan bagi kes kematian Covid-19, kemasukan kes ke hospital dan unit rawatan rapi (ICU), selain tahap imuniti populasi dunia terhadap virus SARS-CoV-2 yang tinggi," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, KKM akan meneruskan langkah kawalan dan

pencegahan Covid-19 berdasarkan protokol sedia ada.

Selain itu katanya, pihaknya turut membuat semakan semula dan mengemas kini garis panduan Covid-19 dengan merujuk kepada kenyataan WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) berkaitan transisi pengurusan jangka masa panjang pandemik Covid-19.

"KKM sentiasa komited dan

akan terus memantau situasi Covid-19 di dalam dan luar negara dan memastikan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan berada dalam keadaan optimum.

"Ini bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan, kes Covid-19 dilaporkan meningkat sebanyak 54.1 peratus dengan 7,596 kes

direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-18 (ME 18/2023) bermula dari 30 April hingga 6 Mei lalu, berbanding 4,963 kes pada minggu sebelumnya.

Ujarnya, kadar kemasukan pesakit Covid-19 termasuk kes yang disyaki ke fasiliti kesihatan awam juga menunjukkan peningkatan daripada 5.8 peratus kepada 7.2 peratus bagi setiap 100,000 penduduk.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Pembinaan hospital, klinik baharu perlu disiapkan

SERDANG - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah supaya projek berkepentingan tinggi seperti pembinaan hospital dan klinik baharu hendaklah disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan, khususnya di negeri Selangor.

Titah baginda, agensi pelaksana yang dipertanggungjawabkan ke atas projek tersebut hendaklah memantau dengan teliti pelaksanaan projek dan menangani sebarang masalah pembinaan

dengan pantas serta efisien. "Dengan terbinanya fasiliti kesihatan baharu di Selangor, rakyat boleh mendapatkan rawatan terbaik dengan kos yang mampu dan berpatutan.

"Oleh itu, pembinaan hospital dan klinik awam mesti dilaksanakan dengan cekap supaya diselesaikan dalam tempoh yang dirancang dan beroperasi dengan efisien bagi kesejahteraan rakyat jelata," titah baginda.

Pada masa sama, Sultan

Sharafuddin mengingatkan pengurusan hospital baharu hendaklah mempunyai sistem pengurusan fasiliti yang cekap dan memastikan penyelenggaraan berjadual dilaksanakan.

"Beta juga menyeru agar semua fasiliti kesihatan yang uzur dan hospital-hospital lama hendaklah diberi perhatian dan penjagaan yang teliti bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.

"Setiap infrastruktur dan per-

alatan yang rosak perlu dinaik taraf dan dibaiki untuk kesejahteraan pesakit dan mempermudahkan akses kesihatan kepada rakyat," titah baginda.

Sutan Selangor juga menzahirkan saranan kepada rakyat untuk bertimbang rasa dan bersabar apabila mendapatkan rawatan di hospital kerajaan kerana mempunyai ramai pesakit yang memerlukan perhatian tatkala ruang serta bilik rawatan terhad.

Titah baginda lagi, rakyat per-

lu meluangkan masa untuk bersukan dan beriadah serta mengamalkan budaya pemakanan sihat selain mempertingkatkan ilmu pengetahuan tentang pengurusan kesihatan diri secara komprehensif.

Dalam perkembangan lain, titah Sultan Sharafuddin, trend peningkatan penyakit tidak berjangkit secara global turut dilihat dalam kalangan rakyat Malaysia termasuk penduduk di negeri Selangor.



SULTAN SHARAFUDDIN dan Tengku Permaisuri Norashikin berkenan melihat model Hospital Sultan Idris, Serdang yang dijenamakan semula di Serdang semalam.

Sultan Selangor seru doktor kekal di hospital kerajaan

Terus curah bakti di hospital kerajaan

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL

SERDANG - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyeru doktor, pakar-pakar perubatan serta petugas kesihatan lain untuk terus mencurahkan bakti dan kekal berkhidmat di hospital kerajaan demi menabur jasa kepada rakyat.

Sultan Sharafuddin bertitah, hanya di hospital kerajaan sahajalah rakyat dapat memperoleh rawatan dan kepakaran yang berkesan serta lebih murah.

"Beta juga berkenan supaya para doktor dan pakar-pakar perubatan serta petugas kesihatan lain supaya terus mencurahkan bakti dan terus berkhidmat di hospital kerajaan demi menabur jasa kepada rakyat jelata.

"Kepakaran doktor amatlah perlu di hospital awam bagi

meningkatkan kualiti kesihatan rakyat secara menyeluruh. Beta menasihatkan para doktor dan petugas kesihatan yang lain supaya mengutamakan perkhidmatan kepada rakyat dan bersikap profesional," titah baginda.

Terdahulu, Sultan Sharafuddin berkenan merasmikan dan menjenamakan semula Hospital Serdang kepada Hospital Sultan Idris Shah Serdang, di sini semalam.

Turut berangkat, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Sultan Sharafuddin turut menzahirkan keprihatinan baginda terhadap tugas kerja seorang doktor serta barisan petugas kesihatan yang disifatkan mencabar.

"Beta menyedari bahawa tugas seorang doktor di hospital adalah amat mencabar dan memerlukan kesabaran tinggi apa-

bila memberi rawatan kepada pesakit.

"Beta berkenan para petugas kesihatan di Hospital Sultan Idris Shah memberi perkhidmatan yang terbaik dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab serta banyak bersabar untuk menangani kehendak pesakit," titah baginda.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan merasmikan dan menjenamakan semula Hospital Serdang kepada Hospital Sultan Idris Shah, Serdang.

Hospital itu yang dibangunkan dengan peruntukan lebih RM771 juta, mula beroperasi pada Mei 2005 yang merupakan hospital pakar major dan pusat rujukan rawatan jantung bagi Wilayah Tengah serta dikenali sebagai National Tertiary Cardiac Referral Centre.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Hospital Serdang dinamakan Hospital Sultan Idris Shah Serdang

SERDANG - Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Isnin berkenan merasmikan dan menjenamakan semula Hospital Serdang yang kini dikenali sebagai Hospital Sultan Idris Shah Serdang.

Sultan Sharafuddin dalam titahnya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak kerajaan yang sudi menamakan hospital itu atas nama baginda.

"Sesungguhnya, kesihatan dan kebajikan rakyat sangat dekat di hati dan sentiasa dalam perhatian beta," titah baginda pada majlis perasmian dan penjenamaan semula Hospital Serdang di Auditorium Hospital Sultan Idris Shah Serdang di sini pada Isnin.

Turut berangkat Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dan Pengarah Hospital Serdang, Dr Amin Sah Ahmad juga hadir.

Hospital Serdang yang memulakan operasinya pada Mei 2005 merupakan

hospital pakar major yang menjadi pusat rujukan rawatan jantung bagi Wilayah Tengah dan pusat rujukan kes-kes jantung kompleks dari seluruh negara.

Sultan Sharafuddin bertitah Pusat Kardiologi Hospital Sultan Idris Shah yang dinantikan masyarakat di Lembah Klang dan sekitarnya telah siap dibina dan akan menjadi pelengkap kepada blok hospital sedia ada sekali gus, memberi kemudahan kepada rakyat khususnya di Selangor untuk mendapatkan rawatan terbaik.

"Beta berharap dengan terbinanya Pusat Kardiologi ini akan dapat meningkatkan taraf penyampaian perkhidmatan kesihatan dan mengurangkan masa menunggu bagi rawatan pesakit jantung di Selangor.

"Beta dimaklumkan Hospital Sultan Idris Shah juga mempunyai kerjasama strategik dengan Fakulti Perubatan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia dan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah. Kerjasama ini diharap dapat diperluaskan kepada fasiliti-fasiliti dan perkhidmatan bidang kepakaran lain," titah baginda.

Sultan Sharafuddin bertitah, kerajaan



FOTO: BERNAMA

Sultan Sharafuddin Idris Shah (kanan) berkenan melawat ke Pusat Jantung Hospital Serdang selepas baginda menyempurnakan perasmian dan penjenamaan semula Hospital Serdang kepada Hospital Sultan Idris Shah pada Isnin.

harus prihatin dalam mempelbagaikan sumber pembiayaan untuk penjagaan kesihatan rakyat dengan memberi tumpuan pada agenda membangunkan skim insurans kesihatan kebangsaan.

"Pada masa sama, kerajaan haruslah menjaga kebajikan para doktor dan petugas kesihatan kerana ia satu kerja yang mulia dan perlu diberi pengiktirafan sewajarnya. Ia tidak seharusnya dijadikan isu dipolitikkan

yang akhirnya merugikan semua pihak.

"Beta berkenan supaya pengurusan hospital baharu hendaklah mempunyai sistem pengurusan fasiliti yang cekap dan memastikan penyelenggaraan berjadual dilaksanakan. Setiap infrastruktur dan peralatan yang rosak perlu dinaik taraf dan dibaiki untuk mempermudah akses kesihatan kepada rakyat," titah baginda. - Bernama

Bukan lagi 'kecemasan antarabangsa' - KKM

Trend global menunjukkan kes kematian akibat Covid-19 menurun

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Isnin mengumumkan Covid-19 tidak lagi menjadi Kecemasan Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa (PHEIC).

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa menerusi kenyataan memaklumkan perkara itu susulan daripada hasil mesyuarat Jawatankuasa Darurat Peraturan-peraturan Kesihatan Antarabangsa (IHR) yang berlangsung pada 4 Mei di Geneva.

"Keputusan ini mengambil kira trend global yang menunjukkan penurunan bagi kes kematian Covid-19, kemasukan kes ke hospital dan Unit Rawatan Rapi (ICU) serta tahap imuniti populasi dunia terhadap virus SARS-CoV-2 yang tinggi," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, antara penyumbang keputusan tersebut melibatkan kebolehpasaran



Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengumumkan Covid-19 tidak lagi menjadi Kecemasan Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa (PHEIC).

kepada diagnosis, rawatan dan vaksin serta pemantauan varian virus SARS-CoV-2 juga menunjukkan tidak menyebabkan jangkitan Covid-19 yang teruk.

Sebelum ini, KKM melanjutkan pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan dari 1 Januari hingga 30 Jun dan menjangkakan penilaian risiko situasi jangkitan Covid-19 akan dilaksanakan pada pertengahan Jun 2023 bagi menyemak semula pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan.

"Kementerian Kesihatan akan meneruskan langkah kawalan dan

pencegahan Covid-19 berdasarkan protokol sedia ada serta membuat semakan semula dan mengemas kini garis panduan Covid-19 dengan merujuk kepada kenyataan WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) berkaitan transisi pengurusan jangka masa panjang pandemik Covid-19," katanya.

KKM akan terus memantau situasi Covid-19 di dalam dan luar negara selain memastikan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan berada dalam keadaan optimum bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat. - Bernama

KKM masih teruskan status kawasan tempatan jangkitan

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Isnin memaklumkan status kawasan tempatan jangkitan akan diteruskan meskipun Covid-19 tidak lagi menjadi Kecemasan Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa (PHEIC).

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa menerusi kenyataan memaklumkan perkara itu perlu bagi memenuhi keperluan isolasi atau pengasingan kes Covid-19 di mana-mana tempat selain hospital dan keperluan majikan menanggung kos rawatan serta pengujian Covid-19 yang diarahkan oleh pegawai diberi kuasa untuk dijalankan kepada pekerjaanya.

"Dijangkakan penilaian risiko situasi jangkitan Covid-19 di dalam Malaysia akan dilaksanakan pada pertengahan Jun 2023 bagi menyemak semula pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan untuk menentukan hala tuju seterusnya," katanya.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata, keputusan PHEIC itu susulan hasil mesyuarat Jawatankuasa Darurat Peraturan-peraturan Kesihatan Antarabangsa (IHR) yang berlangsung di Geneva pada 4 Mei lalu.

Katanya, keputusan ini telah mengambil kira trend global yang menunjukkan penurunan bagi kes kematian Covid-19, kemasukan kes ke hospital dan Unit Rawatan Rapi (ICU) serta tahap imuniti populasi dunia terhadap virus SARS-CoV-2 yang tinggi.

Dr Zaliha berkata, antara penyumbang keputusan tersebut melibatkan kebolehpasaran kepada diagnosis, rawatan, dan vaksin serta pemantauan varian virus SARS-CoV-2 juga menunjukkan tidak menyebabkan jangkitan Covid-19 yang teruk. - Bernama



DR ZALIH

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : NEGERI

Kes malaria meningkat 75 peratus

KUALA TERENGGANU - Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) meminta orang ramai supaya berwaspada dengan kes demam malaria di negeri ini yang dilaporkan meningkat sebanyak 75 peratus.

Pengarahnya, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, sebanyak 21 kes malaria telah direkodkan di Terengganu sepanjang Januari hingga 6 Mei berbanding 12 kes dalam tempoh sama pada tahun lepas.

Menurutnya, daripada 21 kes dilaporkan, 20 kes merupakan malaria zoonotik manakala satu kes malaria import dari jangkitan manusia.

"Hulu Terengganu merekodkan jumlah kes paling banyak iaitu sembilan kes diikuti Kemaman dan Dungun masing-masing empat kes, Setiu (2) dan Besut serta Marang satu kes.

"Bagaimanapun setakat ini, tiada wabak atau kematian akibat malaria dilaporkan sama pada seperti tempoh sama tahun lalu," katanya di sini pada Isnin.

Jelas beliau, terdapat dua kategori jangkitan penyakit malaria iaitu Jangkitan Malaria Manusia yang disebabkan oleh parasit plasmodium seperti falciparum, vivax, malariae dan ovale manakala kategori kedua adalah Jangkitan Malaria Zoonotik yang disebabkan oleh parasit plasmodium knowlesi yang merebak daripada haiwan seperti kera yang menjadi perumah kepada manusia.

Sehubungan itu, Dr Kasemani me-



Hulu Terengganu catat jumlah kes paling banyak.



KASEMANI

nasihati orang supaya lebih peka dan mengambil langkah pencegahan awal terutama ketika memasuki kawasan hutan.

Antaranya ialah dengan memakai pakaian lengan panjang semasa menjalankan aktiviti berisiko seperti menoreh getah, berburu, mencari hasil hutan, memancing dan merentas hutan.

"Kita harap orang ramai mendapatkan rawatan segera di klinik atau hospital berdekatan sekiranya mengalami gejala seperti demam, sejuk menggigil, berpeluh dan lemah tubuh badan supaya rawatan awal dapat diberikan.

"Mereka yang mempunyai sejarah pergi ke kawasan berisiko malaria atau pulang dari negara endemik dan mengalami gejala juga perlu segera mendapatkan rawatan," katanya.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Age, health and environment among heatstroke factors

KUALA LUMPUR: Individuals aged 65 and above, and children aged five and below are at higher risk of suffering from heatstroke as it is harder for them to regulate their body temperature, said Sunway Medical Centre consultant paediatric endocrinologist Dr Ch'ng Tong Wooli.

He said other factors contributing to the risk include health or physical condition.

"Chronic diseases patients, for example individuals with diabetes,

respiratory conditions and heart diseases, or individuals who are taking medications also may be affected by extreme heat.

"Expectant and nursing mothers are at risk too as they are more likely to become dehydrated," she said in a statement yesterday.

Working individuals who are exposed to the hot weather such as farmers and construction workers are also at risk of heatstroke.

Ch'ng advised the public to take

extra precautions and measures to reduce their exposure to the current hot weather as it could affect their health and well-being.

She said as many parts of the country are facing the hot spell and there are already cases affecting children, it is important for individuals, especially parents, to be able to recognise the symptoms of heatstroke early.

"Among symptoms are high body temperature (40°C or higher), lethargy,

headache, nausea and dizziness, having trouble breathing, confusion or disorientation and loss of consciousness."

Ch'ng added that people have to be cautious about being in hot surroundings once the temperature reaches 33°C or higher, especially when it involves school-going children.

"In schools, teachers can monitor the students' condition and act quickly when they see symptoms of a heatstroke. Schools are also

encouraged to take preventive measures to avoid it.

"It is also advised to use sunscreen when they are outdoors and to minimise outdoor activities as much as possible."

Ch'ng also advised the public to focus on releasing heat from their body by drinking enough fluids to rehydrate the body.

"We can also drink fruit juice with added water or sport drinks to replenish electrolytes." - Bernama

Status of Covid infection areas to remain unchanged

➤ Move necessary to meet need for quarantine, isolation of cases in places other than hospitals, says health minister

KUALA LUMPUR: The Health Ministry (MOH) yesterday announced that the status of local areas of infection would remain unchanged for the time being although the World Health Organisation (WHO) has declared that Covid-19 is no longer a Public Health Emergency of International Concern (PHEIC).

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said the move is necessary to meet the need for quarantine or isolation of Covid-19 cases in places other than hospitals, and the need for employers to bear the cost of treatment and testing for Covid-19 for their employees, Bernama reported.

Prior to this, MOH extended the declaration of local areas of infection from Jan 1 to June 30.

"Based on the current assessment, the status of local areas of infection will continue."

"Another risk assessment of the Covid-19 infection situation is expected to be carried out in mid-June to review the declaration of local areas of infection and the next course of action," she said in a statement yesterday.

Meanwhile, the declaration that Covid-19 is no longer a PHEIC followed the decision of the International Health Regulations (2005) Emergency Committee's meeting in Geneva, Switzerland on May 4.

Zaliha said the decision took into account the global trend, which shows a decrease in the number of deaths from Covid-19, admissions to hospitals and intensive care units, and the high level of the world's

population immunity against the virus.

She added that accessibility to diagnosis, treatment and vaccines had also contributed to the declaration.

"The monitoring of the SARS-CoV-2 virus variants also showed that it did not cause severe Covid-19 infection."

"Although the SARS-CoV-2 virus is still in the environment and will continue to evolve, it is no longer an unexpected or an unusual incident."

Zaliha also said MOH would continue with Covid-19 control and prevention measures based on the existing protocol as well as carry out reviews and update Covid-19 guidelines with reference to WHO recommendations regarding the long-term management transition of the pandemic.

She said the ministry is committed and will continue monitoring the Covid-19 situation in the country and abroad and ensuring that health services are optimally prepared to ensure the health and welfare of the people.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

Covid-19 no longer a global emergency, says WHO

PETALING JAYA: More than three years after the declaration of a global emergency for Covid-19 and close to seven million lives lost worldwide, the World Health Organization (WHO) is now saying it is over.

Prof Dr Moy Foong Ming of Universiti Malaya's Department of Social and Preventive Medicine said that with hybrid immunity from a high vaccination rate and natural Covid-19 infection, public health measures in managing the pandemic, and less virulent variants, the public will be able to co-exist with the coronavirus and enter the endemic phase.

A virus is said to be endemic when it is constantly present in the community but is contained.

Universiti Kebangsaan Malaysia health economics and public health specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said Malaysia will have enough immune response and immunity against the infection in the endemic stage, as long as there are no virulent variants.

On whether people should continue observing Standard Operating Procedures (SOP), she said high-risk groups should continue to wear face masks.

She said if a new variant that is highly contagious comes about, then it is important to strictly comply with the SOP.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said yesterday that the status of local areas of infection would remain unchanged for the time being and a risk assessment will be held in mid-June.

She said the move is necessary for quarantine or isolation of Covid-19 cases in places other than hospitals and for employers to bear the cost of treatment and testing for their employees.

The declaration of local areas of infection was previously extended from Jan 1 to June 30.

With mortality and cases on the decline, the WHO announced the end of the public health emergency for Covid-19 after the Public Health Emergency of International Concern was issued on Jan 30, 2020.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATION

2 Nation

THE STAR, TUESDAY 9 MAY 2023

Hospital Serdang renamed in honour of Sultan

SERDANG: Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah officiated the ceremony to rename Hospital Serdang, which is now known as Hospital Sultan Idris Shah Serdang.

In his speech, the state Ruler thanked the government for naming the hospital after him.

"Indeed, the health and welfare of the people are important to me and will always be close to my heart," he said at the ceremony held at the auditorium of Hospital Sultan Idris Shah Serdang near here yesterday.

The event was also attended by Tengku Permaisuri of Selangor Tengku Permaisuri Norashikin, Health Minister Dr Zaliha Mustafa, health director-general

Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan and hospital director Dr Amin Sah Ahmad.

The hospital, which began operations in May 2005, is a major specialist hospital and the National Tertiary Cardiac Referral Centre for the central region and complex heart cases nationwide.

Sultan Sharafuddin said the much-anticipated Cardiology Centre of Hospital Sultan Idris Shah Serdang would make it easier for people to get the best treatment.

He also urged the government to diversify funding sources for people's healthcare by focusing on the development of a national health insurance programme. — Bernama



Royal rebranding: The Sultan of Selangor looking at the replica of the newly renamed Hospital Sultan Idris Shah Serdang. — Bernama